



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI KALI KE-22 TAHUN 2021

### OLEH

YBHG. DATIN ARIDA BINTI ABDUL RAZAK  
**PENGERUSI PUSPANITA NEGERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)**  
**3.40 PETANG**

**SECARA ATAS TALIAN DAN DEWAN KENANGA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Datin Arida binti Abdul Razak**  
Pengerusi PUSPANITA Pulau Pinang

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah binti Haji Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Merangkap  
Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP**

**Ahli-Ahli PUSPANITA MBSP**

**Rakan-Rakan media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada petang yang barakah ini di mana kita semua dapat berhimpun secara bersua muka dan juga secara *online* dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-22 Tahun 2021. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi PUSPANITA MBSP, Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang dan AJK di atas program-program yang diadakan sepanjang tahun 2020. Dalam kita melaksanakan pelbagai program, sama-samalah kita mendisiplinkan diri menjaga penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan *sanitizer*.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin Arida binti Abdul Razak, Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang, atas kesudian beliau meluangkan masa untuk hadir dan merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-22 Tahun 2021, walaupun beliau begitu sibuk dengan tugasan harian.

Saya juga ingin merakam setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan Majlis pada pagi ini. Walaupun masing-masing sibuk dan mempunyai komitmen terhadap tugas sehari-hari, namun mereka masih membahagikan masa untuk merancang, mengatur perlbagai program dan aktiviti untuk PUSPANITA. Syabas dan Tahniah!

Terima kasih juga atas kehadiran ahli-ahli PUSPANITA yang telah memberi komitmen dan meluangkan masa bagi sama-sama kita menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan oleh puan-puan hari ini, menjadi pembakar semangat kepada barisan Ahli Jawatankuasa untuk bergiat aktif dan memacu PUSPANITA MBSP dengan lebih laju.

### **Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Dalam tempoh enam (6) bulan iaitu dua bulan dalam tahun 2021 dan sukuan terakhir tahun 2020 sahaja MBSP telah menempah banyak kejayaan, iaitu:-

- I. Pelancaran Seberang Perai Corporate Priorities MBSP Tahun 2021 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 8 Januari 2021;
- II. Pelancaran Buku Dasar Keterangan Gender 2021 - 2030 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 8 Januari 2021;
- III. Perasmian Stor Sitaan Direktorat Penguatkuasaan MBSP di SPS oleh Yang Berbahagia Datuk Bandar Seberang Perai pada 12 Januari 2021;
- IV. Pelancaran Talian *Helpdesk* Cukai Taksiran Dan Talian *Helpdesk* Lesen Perniagaan MBSP pada 13 Januari 2021;
- V. Pelancaran *Food Bank* Wira Orange MBSP pada 26 Januari 2021 oleh Yang Berbahagia Datuk Bandar Seberang Perai;
- VI. Pengambilalihan Stesen Pemindahan Ampang Jajar yang diuruskan sepenuhnya oleh Wira Orange MBSP pada 1 Februari 2021;

- VII. Pelancaran *Scan Park & Pay* dan *Cyber Counter Tanya Saya* pada 16 February 2021 oleh Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh,
- VIII. Pelancaran Piagam Audit (*Audit Charter*) pada 23 Februari 2021 oleh Yang Berbahagia Datuk Bandar Seberang Perai;
- IX. Mengekalkan Penarafan Tiga Bintang bagi Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti (5S) bagi tahun 2020 yang diaudit oleh MPC;
- X. PBT pertama mengadakan Plan Anti Rasuah yang dilancarkan pada 26 November 2020 untuk mencapai sifar rasuah 2030;
- XI. PBT yang pertama melancarkan *Circular Economy Road Map* oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 16 September 2020;
- XII. Sijil Bersih Audit penyata kewangan sejak tahun 2001-2019 iaitu 20 tahun;

XIII. Berjaya Mengekalkan pengesahan dalam *The Malaysia Book Of Records* (MBR) atas pencapaian sebagai Pihak Berkuastra Tempatan Pertama yang mendapat tujuh (7) Persijilan Pengurusan Kualiti iaitu:-

1. Sistem Pengurusan Kualiti, ISO 9001:2015 (QMS);
2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar, ISO 14001:2015 (EMS);
3. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, OHSAS 18001:2007 (OSHMS);
4. Sistem Pengurusan Tenaga, ISO 50001:2011 (EnMS);
5. Sistem Pengurusan Persekutaran Kualiti (5S);
6. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS); dan
7. Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan, ISO 37001:2016 (ABMS) charter yg pertama dalam 145 PBT di Malaysia.

Kejayaan demi kejayaan dicapai kerana anda semua dan seluruh warga kerja berdiri teguh menyokong Datuk Bandar !!, Terima kasih dan

tahniah kepada anda semua, PUSPANITA MBSP sentiasa menyokong dan berada di belakang MBSP.

### **Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

PUSPANITA adalah sebuah pertubuhan yang *relevant* dan penting berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan lain kerana persatuan ini ditubuh hasil buah fikiran Perdana Menteri Malaysia.

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia dengan nama singkatannya PUSPANITA, telah dilancarkan dengan rasminya pada 1 Mac 1983 oleh Penaung PUSPANITA yang pertama, Tun Dr. Siti Hasmah Binti Haji Mohd Ali. Perlembagaan PUSPANITA telah menetapkan bahawa Isteri Perdana Menteri akan menjadi Penaung, Ketua Setiausaha Negara akan menjadi Penasihat dan isteri Ketua Setiausaha Negara adalah Yang Di Pertua kepada persatuan ini. Atas alasan ini saya mahu memertabatkan persatuan ini dengan mengadakan Galeri PUSPANITA pertama di MBSP dalam tahun 2021.

PUSPANITA haruslah tampil ked epan menggerakkan Dasar Keterangkuman Gender. Di antara strateginya ialah:-

- I. Memastikan keseimbangan gender di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri;
- II. Memastikan peluang yang sama diberikan kepada semua lelaki dan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan di Negeri Pulau Pinang mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan. Ia dapat mengelakkan komposisi satu gender melebihi 60% dan mengelakkan dominasi satu gender sebagai pembuat keputusan.
- III. Pelaksanaan GRPB sepenuhnya di peringkat MBSP bagi mengenal pasti keperluan berbeza bagi kumpulan atau individu yang berlainan. Oleh itu, penggubal dasar, pembuat keputusan dan pelaksana progam perlu memahami konsep gender budgetin

Sukacita saya nyatakan di MBSP, Penginstitusian *Gender Responsive and Participatory Budgetting* (GRPB) di dalam penyediaan budjet menjadi

kemestian pada petang esok 26 Februari 2021(Jumaat) , MBSP akan melancarkan soal selidik bajet pendekatan GRPB.

### **Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Selain PUSPANITA MBSP juga mempunyai persatuan yang lain seperti PERMAI, PESUKA, ANULAE, KOSPEMA yang sentiasa menjadi wadah perhubungan majikan pekerja. Kita telah dapat menyelesaikan banyak masalah melalui meja rundingan, MBSP bertemu dengan wakil pekerja melalui Majlis Bersama Jabatan setiap tiga (3) bulan. Jesteru tidak harus ada surat layang yang hanya mementingkan pendirian beberapa orang yang tidak mahu memahami erti kekeluargaan dan berorganisasi.

Kita semua sebagai penjawat awam harus menyedari bahawa cabaran kerja pada masa kini amat berbeza sekali berbanding cabaran pada masa lalu. Kini, rakyat atau stakeholders semakin hari semakin menuntut perkhidmatan yang lebih cepat, cekap, telus dan efektif. Kita perlu melaksanakan tugas dan amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab dan berkesan. Adalah diharapkan bahawa warga kerja MBSP akan dapat sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat bagi

memenuhi keperluan dan aspirasi mereka. Kita harus terus melengkapkan diri dengan kemahiran terkini (*emerging skills*) bagi memastikan kita dapat memberi perkhidmatan yang relevan dan berkualiti kepada rakyat.

Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MBSP terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta menyokong dan menjayakan Wawasan Penang2030 dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*) dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MBSP seperitimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PUSPANITA, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama melaksanakan pelbagai aktiviti dan program. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan

komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**